



16

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
National University of Malaysia

Jabatan Bendahari • Bursar's Office

JABATAN BENDAHARI

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
 Tarikh : 10hb.April 2009



PEKELILING BENDAHARI BIL.6/ 2009

Dekan/ Pengarah/ Ketua
 Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
 Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
 Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENYATA CUKAI PENDAPATAN TAHUNAN TAHUN 2008

Sukacita dimaklumkan bahawa Penyata Pendapatan Tahunan tahun 2008 telah diedarkan kepada kakitangan bermula 06hb. April 2009.

Dimaklumkan bahawa pada tahun ini pembukaan kaunter oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di Kampus UKM tidak dapat diadakan atas sebab jadual LHDNM telah penuh. Walaubagaimanapun, sebarang maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan taksiran cukai tahun 2008 boleh diajukan terus ke mana-mana kaunter cawangan LHDNM berhampiran atau kaunter-kaunter bulan pembayaran cukai oleh LHDNM seperti yang dijadualkan di bawah serta boleh menghubungi terus LHDNM di talian 03-42893636 atau 03-42893535 bantuan e-failing.

Berikut disenaraikan jadual kaunter bulan pembayaran cukai LHDNM berhampiran yang boleh dikunjungi:

BIL.	TARIKH	HARI & MASA	TEMPAT
1.	11-12 April 2009	SABTU & AHAD 11.00 pagi-9.00 malam	JUSCO TAMAN EQUINE Jalan Equine, Taman Equine Bandar Putra Permai, Seri Kembangan
2.	13 April 2009	ISNIN 10.00 pagi-4.00 petang	HOSPITAL PUTRAJAYA Persint 7, 62250 W.P Putrajaya
3.	15 April 2009	RABU 10.00 pagi-4.00 petang	HOSPITAL SERDANG Jalan Puchong, Serdang

BIL.	TARIKH	HARI & MASA	TEMPAT
4.	18-19 April 2009	SABTU-AHAD 11.00 pagi-9.00 malam	TESCO KAJANG Lot PT 37820 & 11196 Mukim Kajang Saujana Impian, Kajang
			KOMPLEKS PKNS BANGI Persiaran Bangi, Bandar Baru Bangi
5.	20-30 April 2009	ISNIN-JUMAAT 7.30 pagi-5.30 petang	PEJABAT LHDNM CAWANGAN CHERAS Lobi Menara PGRM 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras KL


Maklumat berkenaan e-failing juga boleh diperolehi dengan melayari laman web LHDNM <http://www.hasil.org.my> atau panduan e-failing <https://e.hasil.gov.my>

Bantuan dan pertanyaan juga boleh diperolehi dari pegawai Jabatan ini En.Mohd Nizam bin Arsal (Tel: 03-89215028) atau En.Muhammad Pauzi bin Yusoff (Tel: 03-89214441)

Tarikh akhir penghantaran borang cukai atau penggunaan e-failing bagi tafsiran cukai tahun 2008 ditetapkan oleh LHDNM adalah pada **30 APRIL 2009**.

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor UKM
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor UKM
- Pendaftar UKM
- Pengarah HUKM